

1981

KUALA LUMPUR, 7 DIS. (BERNAMA) — PERLEMBAGAAN MALAYSIA TELAH TAHAN DIUJI SEJAK KEMERDEKAAN 24 TAHUN LALU DAN TERBUKTI SEBAGAI PALING SESUAI SEKALI DENGAN KEPERLUAN NEGARA. DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MEMBERITAHU DEWAN RAKYAT HARI INI.

OLEH ITU IA AKAN TERUS DIKEKALKAN SEBAGAI UNDANG-UNDANG UTAMA MALAYSIA DAN ISLAM SEBAGAI AGAMA RASMI NEGARA, TAMBAH BELIAU KETIKA MENJAWAB PERTANYAAN ENCIK MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (PAS-BALING).

PERDANA MENTERI MEMBERITAHU WAKIL ITU BAHAWA PERKARA 3 (1) PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN MENJAMIN KEDUDUKAN ISLAM SEBAGAI AGAMA RASMI PERSEKUTUAN DAN KERAJAAN SELAMA INI TELAH PUN MENTADBIR NEGARA DENGAN BERPANDUKAN KEPADA PERUNTUKAN ASAS PERLEMBAGAAN TERSEBUT.

TIDAK PERNAH SEKALIPUN SESUATU DIBUAT HINGGAKAN MENYIMPANG DARI KEDUDUKAN ISLAM SENAGAI AGAMA RASMI MALAYSIA, TEGASNYA.

+SAYA INGIN MENYATAKAN SESUNGGUHNYA DI SINI BAHAWA KERAJAAN SENTIASA BERHASRAT UNTUK TERUS MENEGAKKAN ISLAM DI TEMPAT UTAMA YANG DIDUDUKINYA DALAM NEGARA SEBAGAI TERMAKTUB DALAM PERLEMBAGAAN KITA. + JELAS BELIAU. — BERSAMBUNG 1615/HM

DATUK SERI DR. MAHATHIR SELANJUTNYA MENINGATKAN WAKIL PAS ITU BAHAWA PERLEMBAGAAN DAN DASAR TERSEBUT JUGA TELAH DITERIMA OLEH PARTI ITU SEMASA BERADA DALAM KERAJAAN DULU.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA NEGARA-NEGARA YANG MEMPUYAI PENDUDUK ISLAM LEBIH RAMAI TIDAK MENGADAKAN PERLEMBAGAAN YANG LEBIH BAIK DARI PERLEMBAGAAN MALAYSIA DARI SUDUT ISLAM.

MENJAWAB PERTANYAAN TAMBAHAN DARI WAKIL TERSEBUT, PERDANA MENTERI MENJELASKAN BAHAWA SESUAI DENGAN PERUNTUKAN 3(1), ISLAM DIGUNAKAN SEBAGAI PANDUAN KEPADA PENTADBIRAN KERAJAAN.

KEPADA SATU LAGI PERTANYAAN TAMBAHAN WAKIL ITU, BELIAU MENJELASKAN MESKIPUN KUASA MENGENAI AGAMA TERLETAK DI BAWAH KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI TETAPI KERANA SEMUA KERAJAAN NEGERI DIKUASAI OLEH BARISAN NASIONAL, PERATURAN MENGENAINYA MUDAH DI SELARASKAN.

MENGENAI PERTANYAAN ENCIK SHAARI JUSOH (BN-KANGAR) TENTANG TINDAKAN YANG AKAN DIAMBIL TERHADAP PIHAK-PIHAK YANG MENGGUNAKAN AGAMA UNTUK TUJUAN TERTENTU TERMASUK POLITIK, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN BAHAWA JIKA KEGIATAN ITU BOLEH MENJEJASKAN KEBAIKAN AGAMA ISLAM, TINDAKAN SEWAJARNYA AKAN DIAMBIL. — BERNAMA 1626/HM